

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]

TARIKH : 21 MEI 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) kriteria-kriteria yang harus dipenuhi dan telah ditetapkan dalam pelantikan kenaikan pangkat hakim-hakim di mahkamah; dan
- (b) apakah sebab-sebab Hakim Dato' Mohd. Hishamudin Mohd Yunus dari Mahkamah Rayuan tidak dinaikkan pangkat ke Mahkamah Persekutuan.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kriteria-kriteria pelantikan seseorang hakim adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695).
2. Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan menyatakan seperti berikut:

“Seseorang layak dilantik di bawah Perkara 122B sebagai hakim Mahkamah Persekutuan, sebagai hakim Mahkamah Rayuan atau sebagai hakim mana-mana Mahkamah Tinggi jika —

- (a) *dia seorang warganegara; dan*
- (b) *bagi tempoh sepuluh tahun sebelum pelantikannya dia telah menjadi peguam bela bagi mahkamah itu atau mana-mana satu daripada mahkamah itu atau menjadi anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan perundangan sesuatu Negeri, atau pada suatu masa menjadi peguam bela dan pada suatu masa lain berkhidmat sebagai anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan perundangan sesuatu Negeri”.*

3. Di bawah peruntukan seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) pula telah menetapkan kriteria pemilihan seperti berikut:

- "(1) Seseorang calon layak bagi pemilihan jika dia memenuhi kehendak di bawah Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan.*
- (2) Dalam memilih calon, Suruhanjaya hendaklah mengambil kira antara lain, kriteria yang berikut:*

 - (a) integriti, kompetensi dan pengalaman;*
 - (b) objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik;*
 - (c) ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang;*
 - (d) kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik; dan*
 - (e) kesihatan fizikal dan mental.*

- (3) Seseorang yang merupakan Hakim atau Pesuruhjaya Kehakiman yang sedang berkhidmat tidak boleh dilantik jika dia mempunyai tiga penghakiman atau lebih yang belum selesai atau alasan penghakiman yang belum ditulis yang*

terlewat enam puluh hari atau lebih dari tarikh penghakiman atau alasan penghakiman itu disifatkan cukup tempoh.

(4) Dalam memilih calon, Suruhanjaya mestilah juga mengambil kira keperluan untuk menggalakkan kepelbagaian dalam lingkungan kepakaran dan pengetahuan undang-undang dalam Badan Kehakiman.”

Tuan Yang di-Pertua,

5. Merujuk kepada Fasal 122B Perlembagaan Persekutuan, Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong yang bertindak atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja. Sebelum memberikan nasihatnya tentang pelantikan seseorang hakim, selain pelantikan Ketua Hakim Negara, Perdana Menteri hendaklah berunding dengan Ketua Hakim Negara.

6. Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman ditubuhkan dengan berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) pada 2 Februari 2009 bagi memastikan proses pencalonan dan pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan adalah lebih telus dan proses pemilihan hendaklah dibuat mengikut seksyen 22 Akta yang sama.

7. Seksyen 26(1)(a) pula menyatakan suatu laporan hendaklah dikemukakan kepada Perdana Menteri yang menyatakan siapa yang dipilih oleh Suruhanjaya untuk disyorkan bagi pelantikan ke jawatan yang berkenaan. Seksyen 27 memperuntukkan Perdana Menteri

boleh selepas laporan diterima meminta dua nama lagi untuk dipilih dan disyorkan bagi pertimbangan ke jawatan hakim yang berkenaan.

8. Untuk makluman, hakim mahkamah atasan dilantik berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695).

Sekian, terima kasih.